



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 58  
No. 5

**5hb Mac 2015**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

**No. 23.**

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 257 dan 263)

### PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohamad Firdaus bin Abdul Hamid, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 11 Mac 2015 pada 10.30 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM140,000.00 (Ringgit Malaysia Seratus Empat Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM86645.66. Nama pemegang gadaian—RHB Islamic Bank Berhad.
  3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
    - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM14,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Belas Ribu Sahaja);

- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
- (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 9 Julai 2015 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Wang Bintong. No. Lot—8548. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1589. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2228/2007 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 4 Februari 2015  
[PTG.Ps.(R) 1/80F 2090(10A)]

MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA